

Rabu – 21 Oktober 2020

Halaman : 20

20

RABU 21 OKTOBER 2020 • SINAR HARIAN



ORANG ASLI BATEQ MELAWAN COVID-19



Laporan NURUL RIDUAN NOR ASHAHA dan LIZA MOHTAR Foto: MD ADIB MD YUNOS

SIRI 3

## Anak muda Bateq pun bercinta melalui Facebook

Orang asli Bateq di Gua Musang perlahan-lahan menerima arus modernisasi dalam masyarakat mereka.



Orang asli Bateq semakin terbuka menerima arus modernisasi dan kemajuan

**K**esediaan masyarakat orang asli Bateq di Gua Musang, Kelantan menerima arus modernisasi merupakan faktor penting dalam memastikan komuniti tersebut tidak ketinggalan daripada arus kemajuan negara.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri Paloh, Amran Ariffin, orang asli Bateq yang dikenali bersifat pemalu kini lebih terbuka dalam mendepani gelombang pembangunan.

Tambah Amran, perubahan sikap yang positif itu dapat dilihat terutamanya di penempatan orang asli Bateq di Aring 5, namun di Kuala Koh pendu-

duk di sana masih sedikit malu serta mengelak untuk bertemu orang luar.

“Perubahan berlaku disebabkan usaha dibuat pihak kerajaan khususnya Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) dan pemimpin-pemimpin setempat yang sering berkunjung dan bergaul dengan masyarakat orang asli.

“Penduduk di Aring 5, misalnya, mula berminat hadir ke sekolah khas dan kelas-kelas fardu ain yang disediakan pihak kerajaan selain turut menyertai pelbagai program lain yang dianjurkan,” kata Amran kepada *Sinar Harian* pada majlis khas di Kampung Orang Asli Aring 5 di sini baru-baru

ini.  
Untuk rekod, majoriti orang asli di Paloh terdiri daripada suku Bateq yang mendiami tiga penempatan utama iaitu di Aring 5, Kuala Koh dan Pasir Linggi.



AMRAN

## Jakoa pantau semua perkampungan orang asli sewaktu pandemik Covid-19



SHAFIE

**GUA MUSANG** - Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) Kelantan dan Terengganu sentiasa memainkan peranan dalam memberi penjelasan berhubung bahaya ancaman Covid-19 sebaik virus pembunuh itu menghantui negara pada penghujung bulan Februari lalu.

Pengarah Jakoa Negeri Kelantan dan Terengganu, Shafie Abas berkata, ini termasuklah inti pati yang terdapat dalam pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan pada 18 Mac lalu.

“Kita memaklumkan kepada semua pegawai Jakoa di peringkat daerah supaya memantau semua perkampungan supaya mereka mengikut peraturan-peraturan

yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) supaya mereka tinggal dalam penempatan masing-masing.

“Langkah itu bertujuan supaya mereka dapat menghindari sebarang penyakit. Mereka juga menutup pintu masuk kampung supaya orang luar yang datang itu tidak membawa sesuatu yang tidak baik pada ketika itu,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Cuma, menurut Shafie, tindakan yang diambil oleh suku Bateq di tiga kawasan kampung di Pos Lebir iaitu Kampung Kuala Koh, Kampung Aring 5 dan Kampung Machang iaitu berpindah semestara ke dalam hutan ketika beberapa siri pelaks-

aan PKP adalah satu tindakan yang unik.

“Pengalaman terdahulu iaitu tragedi campak di Kampung Kuala Koh pada pertengahan tahun lalu menyebabkan mereka rasa trauma.

“Pada peringkat awal, mereka meninggalkan kampung dan berada di pinggir hutan di kawasan mereka. Apabila keadaan terkawal, mereka pulang semula ke kampung halaman,” katanya.

Menurutnya, selepas penjelasan Jakoa berhubung cara menghindari Covid-19, masyarakat orang asli di kampung berkenaan kini hidup secara normal dengan mengikut prosedur operasi standard yang ditetapkan.

Rabu – 21 Oktober 2020

Halaman : 21

21

SINAR HARIAN • RABU 21 OKTOBER 2020

## ORANG ASLI BATEQ MELAWAN COVID-19



Empat gadis orang asli Bateq yang membuat persembahan sewang dalam majlis khas di Kampung Orang Asli Aring 5, Gua Musang baru-baru ini.

Bagaimanapun, menurut Amran, pembangunan fizikal seperti membina rumah senang untuk dibuat, namun untuk memberdayakan masyarakat orang asli ia tidak boleh lari daripada proses pemikiran dan pendidikan.

"Kesediaan orang asli Bateq menerima proses pendidikan merupakan langkah terbaik untuk memajukan orang asli agar dapat bersaing dengan masyarakat luar.

"Untuk memajukan sesuatu kaum dan bangsa terutamanya di Gua Musang asas utamanya adalah pendidikan," katanya.

Tambah beliau, istimewanya orang asli Bateq selain bersedia menerima modernisasi mereka juga terbuka menerima agama Islam sebagai pegangan hidup.

Dalam pada itu, Tok Penghulu Bateq Kampung Aring 5, Raina Anjang berkata, orang asli Bateq sudah mula



Liza (tengah) anak kepada Tok Penghulu mengadakan kelas khas untuk mengajar anak orang asli Bateq lain yang tidak dapat ke sekolah sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan Mac dan April lalu.

meninggalkan cara hidup nomad dan mendiami kampung itu sejak lebih 20 tahun lalu.

Katanya, orang asli Bateq di situ juga sudah menerima kemudahan elektrik, malah membayar sendiri bil elektrik setiap bulan.

"Pada masa ini, orang asli Bateq

di sini juga sudah mempunyai televisyen, perkhidmatan Astro dan mesin basuh di rumah. Malah ramai yang menggunakan telefon bimbit dan memiliki motosikal serta kereta.

"Bahkan, jangan terkejut ada anak muda Bateq yang berkahwin dengan pasangan dari suku asli lain di Terengganu, Pahang atau Perak selepas berkenalan di Facebook," kongsi Raina yang turut memiliki tablet sendiri.

Bagaimanapun, Raina mengakui adalah menjadi impian beliau untuk melihat anak-anak orang asli Bateq berjaya sehingga ke menara gading seperti anak muda orang asli suku lain.

"Mungkin disebabkan oleh faktor geografi dan rasa rendah diri, kebanyakannya anak muda hanya belajar di peringkat sekolah rendah serta meninggah.

"Saya berharap pada masa depan, lebih ramai anak orang asli Bateq berjaya dalam pendidikan, memiliki kerjaya profesional dan dapat menyumbang kembali kepada kemajuan masyarakat Bateq," katanya.

Adat dan sains tidak boleh dipisahkan

### KUALA LUMPUR

- Bagi masyarakat orang asli suku Bateq, perpindahan ke dalam hutan sejak waktunya berlaku penuh larangan penyakit termasuk Covid-19 baru-baru ini merupakan adat resam nenek moyang mereka sejak dahulu.

Menariknya, pakar virologi daripada Universiti Malaya (UM), Prof Dr Sazaly Abu Bakar berkata, adat resam itu adalah selari dengan kaedah saintifik iaitu penjarakkan sosial yang menjadi amalan masyarakat dunia pada hari ini bagi mengelakkan diri daripada dijangkiti koronavirus.

"Kita tidak boleh pisahkan adat dan sains. Budaya dan adat resam itu sebenarnya dibentuk oleh sesuatu yang berlaku dalam masyarakat mereka secara berulang-ulang.

"Mereka sebelum ini jika melihat ada sesuatu wabak berlaku dan jika meninggalkan tempat yang berlakunya wabak itu, secara tidak langsung wabak itu akan berhenti dan apabila mereka kembali, wabak itu sudah tiada.

"Mereka sebenarnya telah tahu konsep penjarakan fizikal itu daripada dahulu lagi dalam adat dan budaya mereka," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mengulas budaya yang dicipta oleh nenek moyang masyarakat orang asli Bateq dahulu kala, Dr Sazaly berkata, itu kelebihan yang ada pada penghuni rimba yang melalui wabak berulang dalam kehidupan mereka sehingga pada hari ini menjadi adat resam generasi baharu.

"Kalau kita lihat pada masa dahulu mereka tidak mendapat konsep sains. Contohnya, kalau kita lihat mereka akan mengatakan ada makhluk-makhluk halus yang menyebabkan jangkitan."

"Bagi mereka, ia konsep makhluk halus yang menyebabkan jangkitan tetapi dalam konsep sains mungkin ia disebabkan bakteria atau virus."

"Mereka tidak ada mikroskop untuk melihat virus dan bakteria tetapi konsepnya tetap sama iaitu kalau kita jauhkan diri daripada virus atau 'makhluk halus' ini dalam tempoh masa yang berpanjangan, kita akan pulih seperti biasa," kata Sazaly ketika ditemui di UM di sini baru-baru ini.



**R**Saya berharap pada masa depan, lebih ramai anak orang asli Bateq berjaya dalam pendidikan, memiliki kerjaya profesional dan dapat menyumbang kembali kepada kemajuan masyarakat Bateq."

RAINIA